

'Cina babi' bukan penghinaan kaum, kata penganjur himpunan 'baju merah'

The Malaysian Insider

Sept 17, 2015

Oleh Melati A. Jalil

Tidak ada apa-apa kesalahan dengan perkataan "Cina babi" yang dilemparkan peserta terhadap beberapa pihak media pada perhimpunan "baju merah" semalam, kata salah seorang daripada penganjur, Datuk Jamal Md Yunos sambil menambah perkataan "babi" bukan satu penghinaan kerana orang Cina memakan daging babi.

Jamal yang juga ketua Umno bahagian Sungai Besar berkata perkataan "babi" bukan satu perkataan yang sensitif bagi orang Cina.

"Bagi saya kalau semalam you (media) kena dengar keseluruhan yang dikata jangan ambil perkataan.

"Bagi Melayu sebut babi kita sensitif sebab babi haram tapi bagi orang Cina, babi ini adalah makanan mereka tak ada masalah," katanya kepada pemberita pada satu sidang media hari ini.

Beliau menjawab soalan daripada pihak media mengenai perkataan yang digunakan peserta perhimpunan terhadap beberapa wartawan bukan Melayu pada perhimpunan yang dicemari dengan ungkapan dan sepanduk berbaur perkauman. – 17 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/cina-babi-bukan-penghinaan-kaum-kata-penganjur-himpunan-baju-merah>